

**UCAPAN KATA ALU-ALUAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN
PROGRAM MOTIVASI PELAJAR
PEMBIAYAAN PENDIDIKAN YAYASAN**

**ANGKASA SECARA ATAS TALIAN SESI
2022**

**21 OGOS 2022 (AHAD)
9.00 MALAM
DEWAN UTAMA
SENTOSA ECO PARK, TAPAH, PERAK**

BISMILLAHHIRRAHMANNIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WBT, SALAM
SEJAHTERA

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS

YANG BERTHORMAT

**ENCIK AHMAD SAIDI BIN MOHAMAD
DAUD**

EXCO PENGERUSI PENDIDIKAN,
PENGAJIAN TINGGI DAN SUMBER
MANUSIA NEGERI PERAK MEWAKILI YAB
MENTERI BESAR PERAK

YANG BERBAHAGIA
PROF. MADYA DATO' DR. HJ. ABDUL
RAHMAN ABDUL RAZAK SHAIK
TIMBALAN PRESIDEN ANGKASA

YANG BERBAHAGIA

DATUK HJ. MOHAMAD ALI HASSAN

ANGGOTA LEMBAGA ANGKASA

MERANGKAP AHLI LEMBAGA

PEMEGANG AMANAH YAYASAN

ANGKASA

AHLI-AHLI

LEMBAGA

PEMEGANG

AMANAH

YAYASAN ANGKASA :

- 1) DATUK AHMAD JAMIL HASHIM
- 2) DATUK HJ. MD. YUSOF HJ. SAMSUDIN
- 3) HJ. NASIR KHAN YAHAYA
- 4) DATUK SYED AZMI AHMAD BIN SYED NAZIR AHMAD

TUAN HJ. MOHD ROSLI HJ. BASRI
PENGERUSI JAWATANKUASA
PERHUBUNGAN ANGKASA NEGERI
PERAK

DATO' HJ. ABDULLAH HJ. JUSOH
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN
ANGKASA

BARISAN JAWATANKUASA
PERHUBUNGAN ANGKASA NEGERI
PERAK

WAKIL-WAKIL KOPERASI NEGERI PERAK
EN. HASNAN HJ. MUSTAPHA
SETIAUSAHA EKSEKUTIF ANGKASA

EN. HALIM HJ. IBRAHIM
PENGURUS BESAR
BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
ANGKASA

PN. HASLINDA HJ. AHMAD
PENGURUS BESAR YAYASAN ANGKASA

PEGAWAI-PEGAWAI & KAKITANGAN
YAYASAN ANGKASA

USTAZ SYAMSUL AMRI BIN ISMAIL
(SYAMSUL DEBAT)
KETUA KONSULTAN PROGRAM MOTIVASI
INTELLECTUAL ORATOR CONSULTANT

PARA JEMPUTAN MEDIA

PARA PELAJAR PESERTA PROGRAM
MOTIVASI YANG DIKASIHI,

TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN
MERAJAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH
KEPADA YB ENCIK AHMAD SAIDI BIN

MOHAMAD DAUD EXCO PENGERUSI
PENDIDIKAN, PENGAJIAN TINGGI DAN
SUMBER MANUSIA NEGERI PERAK
MEWAKILI YAB MENTERI BESAR PERAK
KERANA SUDI HADIR BAGI MERASMIKAN
PROGRAM PADA HARI INI.

ALHAMDULILLAH, SYUKUR KEPADA
ALLAH S.W.T, PROGRAM MOTIVASI

PELAJAR PEMBIAYAAN PENDIDIKAN
YAYASAN ANGKASA SESI 2022 DAPAT
DIADAKAN SELAMA 4 HARI 3 MALAM
YANG BERAKHIR PADA HARI ESOK.

SAYA MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA
KASIH KEPADA SEMUA PESERTA YANG
HADIR DALAM PROGRAM MOTIVASI INI.
PROGRAM MOTIVASI YANG

DIANJURKAN INI MERUPAKAN SALAH SATU INISIATIF ANGKASA YANG DIJALANKAN OLEH PIHAK PENGURUSAN YAYASAN ANGKASA SUPAYA PELAJAR-PELAJAR PEMBIAYAAN PENDIDIKAN YAYASAN ANGKASA DIBERI MOTIVASI DAN MENERAPKAN NILAI KEROHANIAN KEPADA PARA PELAJAR AGAR MENJADI PELAJAR YANG BERJAYA DUNIA DAN

AKHIRAT SERTA MEMILIKI KEPERIBADIAN YANG UNGGUL SETERUSNYA MENJADI CONTOH TAULADAN KEPADA MASYARAKAT LUAR. PROGRAM INI JUGA BERTUJUAN UNTUK MENDEDAHKAN PENGETAHUAN AM MENGENAI GERAKAN KOPERASI DI MALAYSIA MENGENAI FUNGSI-FUNGSI, PERANAN DAN KEJAYAAN GERAKAN KOPERASI

DALAM MEMACU ENJIN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA.

MELALUI PROGRAM MOTIVASI INI PIHAK YAYASAN ANGKASA BERHARAP DAPAT MEMUPUK DAN MELATIH SEMANGAT KEPIMPINAN DALAM KALANGAN PESERTA. NILAI KEPIMPINAN DIRI SEHARUSNYA DIMILIKI OLEH SETIAP

INDIVIDU MENJELANG KEDEWASAAN
KERANA SEMAKIN KITA MEMBESAR,
SEMAKIN BANYAK TANGGUNGJAWAB
DAN AMANAH YANG AKAN DIPIKUL DAN
PERLU DILUNASKAN DENGAN BAIK.
DENGAN ADANYA KEPIMPINAN DIRI
YANG TINGGI PELAJAR AKAN
MENGUTAMAKAN PERKARA YANG
MUSTAHAK BERBANDING PERKARA

REMEH DAN YANG TIDAK
MENDATANGKAN MANFAAT KEPADA
DIRI.

**PARA PELAJAR YANG DIKASIHI
SEKALIAN**

SAYA BERHARAP SEMUA PARA PESERTA
DAPAT MEMANFAAT SEGALA ILMU

YANG DIBERIKAN SEPANJANG 4 HARI 3
MALAM BERKAMPUNG DISINI
KHUSUSNYA KEMAHIRAN
BERKOMUNIKASI KERANA KEMAHIRAN
BERKOMUNIKASI SANGAT PENTING
KHUSUSNYA APABILA PELAJAR AKAN
MEMASUKI ALAM PEKERJAAN.
SELAIN AKTIVITI CERAMAH DI DALAM
DEWAN SAYA DIFAHAMKAN PIHAK

YAYASAN ANGKASA MENYEDIAKAN PELBAGAI AKTIVITI OUTDOOR SEPerti ATV, FLYING FOX, WATER CONFIDENT, KAYAK, MEMANAH, KEMBARA HALANGAN, ORIENTERING DAN EXPLORACE SEMUA PESERTA DIBERI PELUANG UNTUK MELAKUKAN SEMUA AKTIVITI INI.

PARA PELAJAR YANG DIKASIHI SEKALIAN

PEMBIAYAAN PENDIDIKAN YAYASAN
ANGKASA MEMPUNYAI KEISTIMEWAAN
YANG MANA PEMBIAYAAN INI BOLEH
DIUBAH KEPADA BIASISWA
BERDASARKAN KELAS PENGIJAZAHAN
ADALAH SEPERTI BERIKUT :-

KELAS PENGIJAZAHAN	KADAR PELUPUSAN BIASISWA
KELAS PERTAMA	100% BIASISWA

KELAS KEDUA ATAS	40% BIASISWA
LAIN-LAIN	100% PEMBIAYAAN

**PEMBIAYAAN PENDIDIKAN YAYASAN
ANGKASA JUGA TIDAK DIKENAKAN
SEBARANG CAJ FAEDAH @ BUNGA.**

PIHAK ANKASA BERPENDAPAT
BAHAWA SEGALA KEUNTUNGAN YANG
DIPEROLEH AKAN DIKONGSI DAN
DIPULANGKAN KEPADA AHLI-AHLI
KOPERASI MELALUI SALAH SATUNYA
MELALUI PEMBIAYAAN SEPERTI INI DAN

ALHAMDULLILAH ANGKASA SENTIASA
MEMPERUNTUKKAN 1 JUTA SETAHUN
KEPADA YAYASAN ANGKASA BAGI
MEMBERI PEMBIAYAAN KEPADA AHLI
KOPERASI DAN ANAK-ANAK AHLI
KOPERASI.

SELAIN PARA PELAJAR PEMBIAYAAN
YAYASAN ANGKASA MEMPEROLEHI

BIASISWA PENUH KERANA MENDAPAT IJAZAH KELAS PERTAMA, YAYASAN ANGKASA JUGA MEWUJUDKAN ANUGERAH KECEMERLANGAN PELAJAR PEMBIAYAAN YAYASAN ANGKASA. ANUGERAH INI MERUPAKAN PENGIKTIRAFAN YAYASAN ANGKASA KEPADA PARA PELAJAR KERANA

MEMPEROLEHI KEPUTUSAN YANG
CEMERLANG.

**PARA PELAJAR YANG DIHORMATI
SEKALIAN**

AKHIRNYA, SAYA BERHARAPKAN
DENGAN TERLAKSANANYA PROGRAM
MOTIVASI INI PELAJAR PEMBIAYAAN

PENDIDIKAN YAYASAN ANGKASA,
MEMPEROLEHI MANFAAT DARIPADA
PENGANJURAN PROGRAM INI DAN
GUNAKAN ILMU YANG DIPEROLEHI
PADA PROGRAM INI UNTUK BELAJAR
SECARA SMART DAN BERKESAN KERANA
ANDA SEMUA PELAJAR-PELAJAR
PEMBIAYAAN YAYASAN ANGKASA
MERUPAKAN PELAPIS WARGA KOPERASI

PADA MASA HADAPAN. SAYA BERHARAP PARA PELAJAR DAPAT MEMPERSIAPKAN DIRI DENGAN MENAMBAH ILMU SERTA KEMAHIRAN KE ARAH MASA DEPAN YANG LEBIH BAIK DI SAMPING DAPAT MEMBANTU GERAKAN KOPERASI MENCAPAI KECEMERLANGAN DI MALAYSIA.

AKHIR KATA, SAYA BERHARAP SEMUA
PELAJAR YAYASAN ANGKASA SENTIASA
MENJAGA DIRI DAN MENCIPTA
KEJAYAAN YANG CEMERLANG UNTUK
DIRI, AGAMA, BANGSA DAN NEGARA.

WABILAHITAUFIK WAL HIDAYAH.

ASSALAMUALAIKUM W.B.T.